



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

Masalah Apps Store

SAYA sering menggunakan aplikasi *Apple Apps Store* menggunakan telefon bimbit iPhone. Sejak akhir-akhir ini, penggunaan aplikasi ini menjadi lambat dan kadang kala bermasalah. Bagaimana untuk mengatasinya?

- **TEN, Bangi.**

Perkara ini sering berlaku setelah lama menggunakan sesuatu aplikasi komputer secara kerap kali dalam sesebuah telefon pintar. Isu kestabilan dan prestasi sesuatu aplikasi juga bergantung kepada tahap penggunaan atau kedudukan fizikal sesebuah telefon pintar.

Begitu juga dalam telefon pintar iPhone, terdapat masalah atau isu kestabilan dan prestasi penggunaan aplikasinya seperti aplikasi *Apple Apps Store*. Aplikasi *Apple Apps Store* ini melibatkan sambungan Internet. Kadang kala aplikasi ini menyebabkan kerumitan dalam memuat turun sesuatu fail atau melayari aplikasi tersebut.

Seterusnya dibincangkan beberapa perkara yang boleh dibuat untuk membantu mengurangkan masalah ini.

CARA PERTAMA

- 1 Setelah membuka aplikasi *Apple Apps Store* menggunakan telefon iPhone, sentuh lebih kurang sepuluh kali mana-mana ikon yang berada di bahagian bawah seperti *Featured*, *Top Charts*, *Explore*, *Search* dan *Updates*.
- 2 Cara ini dapat mengosongkan ruang simpanan *cache* dalam aplikasi *Apple Apps Store* yang terdapat dalam telefon iPhone.
- 3 Kesannya dapat dilihat dalam ruangan *Store* yang menjadi kosong.
- 4 Dengan itu, pelayaran atau penggunaan aplikasi tersebut menjadi lebih pantas berbanding sebelumnya.

CARA KEDUA

- 1 Kemas kini sistem iOS yang digunakan dalam telefon iPhone yang digunakan kerana pihak pengeluar sentiasa kemas kini aplikasi *Apple Apps Store* yang selari dengan kemas kini terkini untuk sistem iOS.
 - 2 Perlu diingat bahawa versi sistem iOS yang lama adalah antara sebab telefon iPhone yang digunakan bermasalah untuk capai aplikasi *Apple App Store* atau capaian menjadi perlahan.
- Jadi, tiga lapisan atau konfigurasi yang perlu dilihat iaitu pada tahap capaian internet, konfigurasi telefon pintar dan konfigurasi capaian kepada aplikasi tersebut.